

Ruj. Kami : ANM.PK.G/ 600-1/1/2JLD3(95)  
Tarikh : 17 Disember 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **TARIKH PEMBAYARAN GAJI DAN JADUAL INPUT HCM PERINGKAT PTJ BAGI TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2019 bertajuk Tarikh dan Peraturan Pembayaran Gaji Tahun 2020.

2. Bersama-sama ini dilampirkan **Jadual 1 berkenaan Jadual Input Gaji modul HCM Peringkat PTJ bagi tahun 2020**. Sila patuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan dalam jadual bagi memastikan kelancaran proses gaji.

3. PTJ hendaklah memastikan perkara-perkara berikut sebelum dan semasa proses tindakan input ke modul HCM:

- i. Sila pastikan Borang Perubahan Gaji Kew320 (SG20) pindaan 1/2016 digunakan;
- ii. Sila pastikan SG20 telah disemak dan disahkan oleh penyelia sebelum input dilakukan;
- iii. Sila pastikan dokumen sokongan yang lengkap dilampirkan bersama dengan borang SG20; dan
- iv. Sila lakukan semak Laporan Edit (ZRPY043) dan simulasi PTJ (ZRPY106) bagi input yang telah dilakukan.
- v. Sila pastikan **TIADA RALAT** pada Laporan Simulasi Gaji (ZRPY106) semasa menghantar status PTJ Simulasi (*Payroll Readiness Status*) melalui Kod ZRPY101 ke AO Perak.
- vi. Sila pastikan Laporan Semak Edit, Laporan Simulasi Gaji (ZRPY106) dan Laporan Status Simulasi – PTJ (ZRPY101) dicetak dan disemak setiap bulan.

4. Segala kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**